

Bawa kes pilihanraya ke mahkamah

# Bukti S46 tidak faham demokrasi

②

BH 31 DEC 1990

KUALA LUMPUR, Ahad — Tindakan calon parti pembangkang mencabar kerajaan di mahkamah apabila kalah dalam pilihanraya umum lalu membuktikan mereka tidak memahami prinsip demokrasi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pembangkang cuba berselindung di sebalik tindakan mereka itu dengan harapan berlaku pergolakan dalam negara.

Menurutnya, memang menjadi tabiat pembangkang sejak dulu lagi menafikan keputusan rakyat dengan membawa kes pilihanraya ke mahkamah dan perbuatan itu tidak terkecuali di kalangan anggota Semangat 46.

"Bagi saya, perbuatan mereka bukanlah sesuatu yang luar biasa, sebaliknya jika mereka tidak membawa kes ke mahkamah, saya menganggapnya ganjil pula," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program 'Kampungku' di Angkasapuri sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kumpulan itu berharap dengan membawa kes ke

mahkamah, mereka akan beroleh kejayaan seperti yang dilakukan oleh anggota serpihan Umno dulu membawa kes pemilihan jawatan Majlis Tertinggi parti ke mahkamah sehingga Umno diisytiharkan haram.

"Kumpulan ini (Semangat 46) tidak ada kerja lain, melainkan ke mahkamah untuk menafikan keputusan rakyat, walaupun Kumpulan Pemerhati Komanwel dan Kumpulan Pengesanan Pilihanraya mereka sendiri mengakui kebebasan rakyat untuk membuat pilihan," katanya.

Mengenai 15 guru di Kelantan yang enggan mematuhi arahan pertukaran ke Sabah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka sengaja menggunakan isu politik sebagai alasan untuk tidak dipindahkan ke negeri lain.

Katanya, bukan kumpulan itu saja yang ditukarkan ke Sabah, sebaliknya orang lain sebelum mereka juga pernah diarah mengajar di luar Semenanjung.

"Masing-masing mempunyai giliran berpindah tempat mengajar. Bukan mereka saja. Jadi, mengapa pula apabila tiba giliran mereka, ia dikata-

kan helah politik? Saya tidak nampak arahan itu sebagai satu helah politik," katanya.

Ditanya mengenai azam tahun barunya, Perdana Menteri berkata, hasratnya mudah saja dan sama dengan orang lain, iaitu untuk membangunkan Malaysia supaya menjadi negara yang maju seperti Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat.

Katanya, rakyat harus sanggup menyesuaikan diri dengan perubahan dunia supaya mampu menghadapi apa juga masalah dan tekanan kuasa besar sepertimana dialami oleh Jepun sekarang.

"Sewaktu harga minyak naik, Jepun ternyata dapat menyesuaikan diri dengan keadaan itu, bahkan masih boleh memasarkan barangan mereka.

"Begitu juga apabila Amerika Syarikat dan Eropah mendesak supaya nilai mata wang Jepun dinaikkan sekali ganda dengan harapan kos pengeluaran negara itu meningkat. Dalam pada itu, Jepun berjaya memastikan kenaikan mata wang Yen tidak menjelaskan barangannya dalam pasaran dunia," katanya.